



JAWATAN KOSONG

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (200901002951)

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah ditubuhkan pada 05 Februari 2009 dan bertanggungjawab menguruskan beberapa program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Warganegara Malaysia yang layak diperlukan untuk mengisi jawatan berikut dengan segera.

PENOLONG PENGURUS JABATAN ANIS – KP17 (TETAP) 1 Kekosongan

- Warganegara Malaysia;
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dan diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan / swasta;
- Mempunyai pengalaman 5 tahun dalam jawatan yang berkaitan;
- Mempunyai kemahiran dalam penyediaan kertas cadangan projek/program untuk kelulusan jabatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor / lain-lain Agensi;
- Mempunyai kemahiran menyediakan laporan belanjawan jabatan
- Mempunyai kualiti kepimpinan dan kemahiran pengurusan yang baik, berkeyakinan tinggi dan berfikiran kreatif;
- Berkemahiran menggunakan komputer terutama "Microsoft Office" menggunakan "MS Excel" untuk tujuan belanjawan jabatan adalah satu kemestian dan "MS Powerpoint" untuk tujuan penyediaan slide pembentangan;
- Pengetahuan yang menyeluruh mengenai intervensi awal dan murid keperluan khas,
- Pengalaman bekerja dengan kanak-kanak kelainan upaya akan diberikan keutamaan;
- Kemahiran untuk membuat dan melaksanakan IEP akan diberikan keutamaan;
- Keperibadian yang sabar, optimistik, kreatif, dan berdaya tahan;
- Kemahiran interpersonal dan komunikasi yang sangat baik;
- Komited, berkeyakinan tinggi dan bertanggungjawab di dalam menjalankan tugas;
- Boleh bekerja dalam tekanan, *multitasking* dan menyelesaikan tugas dalam waktu yang singkat;
- Berdikari dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum;
- Boleh bekerja sendiri dan bergerak dalam pasukan;
- Boleh bekerja serta merta

SKOP KERJA

- Melapor kepada Pengurus Besar berkenaan pelaksanaan program/ Aktiviti Jabatan ANIS;
- Mengurus, memantau dan melatih kakitangan jabatan untuk mencapai objektif yang ditetapkan;
- Merancang pelaksanaan program di bawah jabatan dan menepati sasaran yang ditetapkan;
- Membina hubungan dengan pihak berkepentingan untuk bekerjasama dengan pihak YAWAS bagi menjayakan objektif yang ditetapkan;
- Memantau prestasi kewangan dari semasa ke semasa
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa

GAJI DAN FAEDAH DITAWARKAN

- Gaji bulanan yang menarik
- Faedah perubatan di klinik panel
- Skim insuran perubatan dan insuran hayat disediakan

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 9 NOVEMBER 2023

Sila emel permohonan anda ke alamat emel hr@yawas.my dengan melampirkan perkara-perkara berikut:

- Sila nyatakan jenis jawatan yang dipohon pada PERKARA seperti: **PENOLONG PENGURUS JABATAN ANIS**
- Resume
- Sijil-sijil berkaitan

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi:

03-5481 8846 (Pn. Ana)